



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 9 BILANGAN 13

RABU 1 JULAI, 1964.

1384 رابو 21 صفر

PERCHUMA

"BRUNEI INGIN HIDUP SECHARA AMAN DAMAI..."

-Titah D. Y. M. M.

Maulana Al-Sultan

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah mengulangi lagi keinginan Brunei hendak hidup sechara aman damai serta mengadakan perhubungan persahabatan yang rapat dengan negara2 yang berjiran.

Demikian antara-nya Baginda bertitah kepada Awang Patrick J. Killen sa-orang Wartawan dari Sharikat Berita United Press International di-Istana Darul Hana pada hari Thalatha 23 Jun, 1964.

Sungguh pun keputusan Brunei untuk tinggal di-luar Malaysia ada-lah muktamad, akan tetapi Brunei akan berusaha seberapa daya untuk memperkukuhkan lagi tali persahabatan yang terdapat sekarang titah Baginda.

Selanjut-nya Duli Yang Maha Mulia bertitah bahawa perhubungan persahabatan yang rapat di-antara Brunei dengan Malaysia telah terus terjalin sejak sebelum perang dunia yang kedua tatkala mana Negeri2 Melayu dikenali sebagai Negeri2 Melayu yang bersekutu.

Perhubungan di-antara Malaysia dan Brunei ada-lah terta'lok kepada sa-tengah2 perjanjian, di-antara-nya ia-lah mengenai perkara mata-wang, penerbangan dan perhubungan talikom.

Mengenai so'al mata-wang, Baginda bertitah, Kerajaan Malaysia telah membuat perhubungan mengenai-nya untuk mengulang-kaji, tetapi perutusan terakhir tentang perkara itu masih sedang di-kaji oleh Kerajaan Brunei.

Tatkala Wartawan Sharikat Berita U.P.I. itu bertanya sama ada Baginda terdapat sebab2 untuk merasa kechiwa terhadap Kerajaan Malaysia, Baginda menjawab bahawa tiada apa2 pun yang boleh di-sifatkan sebagai kekechewaan.

Duli Yang Maha Mulia juga telah mengumomkan bahawa Kerajaan Brunei akan terus mengambil Pegawai2 dagang untuk bertugas di-Brunei sa-hingga Pegawai2 anak negeri terdapat untuk memenohi jawatan2 penting dalam pertadbiran Kerajaan.

Baginda menambah titah bahawa satu permintaan telah dibuat kepada Kerajaan Inggeris untuk mengambil orang2 baharu di-Britain atau di-lain2 negara terdapat sekarang Pegawai2 dagang yang berkelayakan.

Mengenai masa'alah memperbesar-kan lagi Pasokan Keselamatan Negeri Brunei, Baginda bertitah bahawa Baginda ingin mendapatkan satu Pasokan Tentera Gurkha di-negeri ini.

Pasokan Gurkha itu akan mengatasi kekurangan pemuda yang terdapat sekarang untuk Askar Melayu Brunei.

Tatkala Wartawan Sharikat U.P.I. itu bertanya tentang minat Brunei dalam sengketa Malaysia, Baginda bertitah bahawa Baginda tiada mempunyai sebarang perhubungan pun dengan Indonesia.

Bagaimana pun, Baginda per-chaya bahawa Malaysia telah di-cheroboh dan semua negara yang chintakan perdamaian mestilah bersimpati dengan negara2 yang tidak membuat ka-chau.

Selanjut-nya Duli Yang Maha Mulia bertitah bahawa sebab2 penderhakaan dahulu maseh di-siasat lagi, maka hanya sa-lepas penyiataan itu tamat, baharulah dapat di-katakan sama-ada Indonesia telah terlibat dalam penderhakaan itu.

Sejak Baginda berangkat keluar negeri untuk mengelilingi dunia, Baginda belum mendengar lagi sebarang bukti bahawa penderhakaan akan berlaku di-negeri ini.

Baginda telah menyaksikan kemajuan dalam semua negara yang Baginda lawati itu dan dasar Baginda terhadap Britain ia-lah untuk meneruskan peratoran2 yang terdapat sekarang.

Sebarang perubahan dalam peratoran itu, titah lagi Duli Yang Maha Mulia, ia-lah untuk memperkukuhkan lagi tali perhubungan dengan Great Britain bagi kepentingan kemajuan Negeri Brunei Darul Salam.

MANGKAT DI-BRUNEI



Y.A.M. PENGIRAN ANAK SAFAR

BANDAR BRUNEI. — Dengan amat sedih-nya di-beritakan bahawa Yang Amat Mulia Pengiran Anak Safar ibni Al merhom Sultan Hashim berumur 62 tahun telah mangkat di-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei pada pukul 6.40 petang hari Rabu 24 Jun, 1964 sa-lepas gering selama beberapa hari.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah melawat Yang Amat Mulia Pengiran Anak Safar pada masa Yang Amat Mulia itu gering di-Rumah Sakit.

Sa-lepas kemangkatan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Safar, jenazah Yang Amat Mulia itu telah di-usong ka-rumahnya di-Kampong Sultan Lama, Bandar Brunei dengan diiringi oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha dan lain2-nya.

Jenazah Al-merhom Yang Amat Mulia Pengiran Anak Safar telah selamat di-kebunikan di-Makam di-Raja di-Kampong Ayer pada petang hari Khamis 25 Jun, 1964.

Ramai keluarga Kerabat Diraja Brunei, para pembesar negara dan lain2-nya telah hadir di-rumah Al-merhom itu dan juga di-Makam di-Raja pada hari tersebut.

Sebagai satu tanda kesedehan atas kemangkatan Al-merhom Pengiran Anak Safar, maka bendera Negeri Brunei telah di-kibarkan sa-paroh tiang di-bangunan2 Kerajaan dan di-lain2 tempat pada hari Khamis yang lalu. Nobat di-Raja ditutup selama 20 hari mulai dari 25 Jun, 1964.



Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Haji Mohamed Saleh telah menyampaikan Perisai2 Kedatangan Kurniaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kepada Tahun II-A, Sekolah Melayu S.M.J.A. dan kepada Sekolah Melayu Lela Menchanai yang telah memenangi Perisai2 itu dalam tahun 1963. Upacara itu telah di-adakan di-dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada pagi hari Khamis 25 Jun, 1964. Dalam gambar ini kelihatan Y.A.M. Pengiran Shahbandar menyampaikan Perisai2 Kedatangan tersebut kepada wakil Tahun II-A Sekolah Melayu S.M.J.A. Tahun 1963, Dayang Rosnah binti Abu Bakar.

Tanggung Jawab Kerajaan — Memberi Pelajaran2 Dan Dermasiswa Kepada Murid2 — KATA PENGIRAN MOMIN

KUALA BELAIT. — Tanggung jawab Kerajaan Duli Yang Maha Mulia itu ada-lah memberi pelajaran pemulaan dan menengah serta dermasiswa untuk menyambung pelajaran di-seberang laut dengan perchuma kepada murid2 yang handal telah dan sedang di-laksanakan. Oleh yang demikian tidak-lah munasabah dan patut bagi kita di-Brunei ini menyalahkan Kerajaan, kira-nya anak2 kita tidak mendapat pelajaran yang sudah tentu sangat2 mustahak terhadap sa-saorang itu. Demikian kata Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail yang juga menjadi Penaong temasha Minggu Pelajaran, Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, sebelum beliau merasmikan sambutan Minggu Pelajaran Sekolah Melayu tersebut pada pagi hari Ahad 21 Jun, 1964.

Pengiran Momin berkata dalam ucapan-nya bahawa sebagai sa-orang bapa yang mempunyai anak-nya yang sedang belajar di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, beliau berasa bangga

S. M. Batu Marang Menang P. K.

BATU MARANG. — Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin, Pengerua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei telah menyampaikan Perisai Kedatangan kurniaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan kepada Sekolah Melayu Batu Marang pada pagi hari Ahad 7 Jun, 1964.

Sekolah Melayu Batu Marang juga telah menyambut Minggu Pelajaran pada hari tersebut. Ramai ibu bapa murid2 dan orang ramai telah hadir di-temasha itu.

PERJUMPAAN JAYCEE

BANDAR BRUNEI. — Satu perjumpaan bagi menubuhkan Pertubuhan Jaycee Sa-Negeri Brunei akan di-adakan di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada pukul 10 pagi hari Ahad 5 Julai, 1964.

Wakil2 dari pertubuhan2 Jaycee dari luar negeri telah pun di-jemput untuk hadir di-majlis tersebut.

kerana anak beliau itu di-beri peluang menuntut ilmu dengan perchuma untuk kebahagiaan-nya di-masa hadapan.

Selanjut-nya beliau berkata, "Saya perchaya tuan2 dan puan2 akan mempunyai perasaan yang sama dengan saya terhadap so'al ini yang mengharuskan kita mengucapkan shukur dan terima kasih kepada Kerajaan Brunei yang memberikan peluang keemasan itu kepada anak2 kita."

Begitu juga kita harus berterima kasih kepada guru2 yang mengajar dan memimpin anak2 kita sa-hingga mereka2 itu boleh memahami apa erti ilmu dan apa pula kepentingan-nya itu di-pelajaran.

Kemajuan dan kemunduran anak2 kita dalam pelajaran-nya akan dapat kita ketahui dan dapat pula kita menyaksikan bagaimana anak2 kita itu di-ajar dan di-didek oleh sa-orang guru dalam Minggu Pelajaran ini."

Beliau berkata lagi bahawa "harus-lah kita menyedari bahawa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia bertanggung jawab memberi pelajaran dengan perchuma sedang di-laksanakan, akan tetapi tidak-lah menjadi syarat bagi Kerajaan untuk memberi pekerjaan kepada sa-tiap orang yang sudah tamat pengajian-nya — tanggung jawab Kerajaan memberi pelajaran itu ada-lah semata2 untuk membolehkan ra'ayat di-negeri ini membacha dan menulis untuk kesenangan mereka sendiri dan untuk kepentingan negara.

Kita perlu ingat bahawa kemajuan sa-sabua negara ada-lah bergantung kepada ra'ayat yang mempunyai ilmu pengetahuan dan kemajuan tidak akan tercapai kira-nya ra'ayat di-Brunei itu tidak mempunyai ilmu pengetahuan."

Kemudian Pengiran Momin telah menyeru kepada murid2 sekalian supaya mereka belajar dengan bersungguh2 kerana peluang mereka untuk melanjutkan pelajaran dari sekolah tersebut ka-Sekolah Menengah seterusnya ka Sekolah Tinggi dan untuk mendapat dermasiswa kerana menyambung pelajaran di-seberang laut terbuka kepada mereka.

"Kamu sahaja-lah yang dapat menentukan nasib kamu sendiri kerana Kerajaan, ibu bapa dan saudara mara kamu tidak dapat memberi kamu bantuan, melainkan kamu bersedia untuk membantu diri kamu sendiri. Dengan sebab itu, belajar-lah bersungguh2 untuk mencapai kemajuan kamu dan negara kita ini."

Akhir-nya beliau telah mengucapkan terima kasih kepada Ahli2 Jawatan Kuasa sambutan Minggu Pelajaran, Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin kerana sudi menjemput beliau menjadi Penaong temasha tersebut dan beliau berharap Minggu Pelajaran itu akan mendapat kejayaan.

Kemudian beliau berkata, "Dengan nama Allah saya ishtiharakan pembukaan Minggu Pelajaran ini dengan rasmi-nya."

TARI MENARI DERMA BAKTI

BANDAR BRUNEI. — Satu temasha Tari Menari di-bawah anjoran Persatuan Hokey Brunei akan di-adakan di-Dewan Kemasyarakatan Bandar Brunei pada malam 4 Julai, 1964.

Tujuan mengadakan temasha tersebut ia-lah untuk mengutip derma bagi menghantarkan pasokan hokey wanita Brunei ka-Sabah dalam bulan Ogos akan datang.

Pasokan Hokey Wanita Brunei

UPACHARA MENYAMPAIKAN PERISAI KEDATANGAN DI-S. M. B. S.

BUKIT SAWAT. — Sekolah Melayu Bukit Sawat, Ulu Belait, telah berjaya memenangi Perisai Kedatangan kurniaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan sebagai Sekolah Melayu di-Daerah Belait yang terbaik sekali dalam hal ehwal kedatangan murid2 pada sepanjang tahun 1963.

Perisai Kedatangan tersebut telah di-sampaikan oleh Yang Mulia Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, Pegawai Daerah Belait, selaku wakil Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, kepada Sekolah Melayu Bukit Sawat pada tengah hari Isnin 22 Jun, 1964.

Pengiran Momin telah mengucapkan tahniah kepada Sekolah Melayu Bukit Sawat yang telah berjaya memperolehi Perisai Kedatangan kurniaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Beliau telah menyeru kepada murid2 sekolah tersebut supaya mereka utamakan pelajaran pada sa-tiap masa kerana kepentingan negeri ini.

Pada hari tersebut juga Sekolah Melayu Bukit Sawat telah menyambut temasha Minggu Pelajaran dengan mengadakan berbagai2 acara yang meriah.

itu akan mengadakan perlawanan dengan Pasokan Hokey Sabah di-Jesselton dalam perlawanan tahunan antara Sabah dan Brunei.

Bayaran masuk ka-temasha tersebut ia-lah \$1.50 bagi sa-orang lelaki atau pun perempuan.

Dua pancharagam tempatan yang terkenal, ia-itu "The Strangers" dan "The Hunters" akan bermain di-temasha tersebut.

SEMINAR SASTERA



Persatuan Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) Brunei telah mengadakan satu Seminar Sastera selama tiga hari mulai dari 12 Jun, 1964 bertempat di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei, dengan memperolehi kejayaan. Seminar Sastera itu telah di-buka dengan rasmi-nya oleh Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusof. Gambar ini telah di-ambil sa-lepas di-adakan upacara pembukaan rasmi seminar tersebut.

PENDAFTARAN MENUNAIKAN FARDHU HAJI DALAM TAHUN 1965

BANDAR BRUNEI. — Umat Islam di-seluruh Negeri Brunei yang berhajat hendak menunaikan fardhu Haji pada tahun 1965 ada-lah di-ma'lonkan bahawa tarikh akhir bagi menerima borang2 permohonan menunaikan fardhu Haji itu telah di-ubah dari 1 Oktober, 1964 ka-21 September, 1964.

Perubahan tarikh tersebut telah di-tetapkan oleh Pejabat Urusan Haji Malaysia. Demikian menurut satu pengumuman yang di-terbitkan oleh Pengetua, Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin.

Jadual Lawatan Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam

BANDAR BRUNEI. — Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam akan melawat ka-beberapa tempat di-Negeri Brunei dalam bulan ini untuk memberi sharahan berkenaan dengan Ugama Islam seperti di-bawah ini:

Hari Juma'at 3 Julai: Masjid Pulau Baru-Baru, Daerah Brunei dari pukul 11 pagi ka-pukul 12.30 tengah hari.

Hari Juma'at 3 Julai: Masjid Sungai Hanching, Daerah Brunei dari pukul 11 pagi ka-pukul 12.30 tengah hari.

Hari Juma'at 10 Julai: Masjid Bokok, Temburong dari pukul 11 pagi ka-pukul 12.30 tengah hari.

Hari Juma'at 10 Julai: Kampung Anggerek Desa, Daerah Brunei dari pukul 2 petang ka-pukul 4 petang.

Hari Juma'at 17 Julai: Masjid Kampong Puduk, Daerah Brunei dari pukul 11 pagi ka-pukul 12.30 tengah hari.

Hari Juma'at 17 Julai: Masjid Kampong Penapar, Daerah Tutong dari pukul 11 pagi ka-pukul 12.30 tengah hari.

Hari Juma'at 24 Julai: Masjid Danau, Daerah Tutong dari pukul 11 pagi ka-pukul 12.30 tengah hari.

Hari Juma'at 24 Julai: Masjid Batu Marang, dari pukul 11 pagi ka-pukul 12.30 tengah hari.

Hari Juma'at 31 Julai: Masjid Labi, Ulu Belait dari pukul 11 pagi ka-pukul 12.30 tengah hari.

Hari Juma'at 31 Julai: Masjid Senaut, Daerah Tutong dari pukul 11 pagi ka-pukul 12.30 tengah hari.

JEMPUTAN

Orang ramai, lelaki dan perempuan ada-lah di-jemput hadir di-tempat2 tersebut untuk mendengar sharahan Ugama Islam kita yang Maha Suci bagi kebajikan kita dan juga bagi kebajikan anak2 dan chuchu2 kita serta lain2-nya di-dunia ini dan juga di-akhirat.

Borang2 permohonan menunaikan fardhu Haji pada tahun 1965 boleh-lah di-dapati dari Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei; Pejabat2 Daerah Brunei/Muara, Tutong, Belait dan Temburong atau pun dari Pejabat2 Kadhi di-seluruh Negeri Brunei.

Pegawai2 Kerajaan Brunei yang berhajat hendak menunaikan fardhu Haji atas perbelanjaan perchuma dari Kerajaan Brunei, ada-lah di-nasehatkan supaya membuat permohonan dengan Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan Brunei.

Berhubung dengan pendaftaran bakal2 Haji tersebut yang di-jalankan pada masa sekarang, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin berkata bahawa pendaftaran itu perlu di-jalankan sekarang ia-lah untuk menentukan anggaran jumlah bakal2 Haji dari Brunei.

Maka dengan jalan itu, kata

Pembinaan Jalan2 Baru Di-Kawasan Luar Bandar Tutong

TUTONG. — Empat buah kampung di-Daerah Tutong, ia-itu Kampung2 Rambai, Kuala Ungar, Benutan dan Tasek Merimbun tidak berapa lama lagi akan mempunyai jalan2 sebagai lalu lintas perhubungan apabila jalan2 tanah yang di-bena pada masa sekarang siap di-bena. Demikian menurut penerangan sa-orang Juruchakap, Pejabat Daerah Tutong.

Pembinaan jalan2 di-kawasan Luar Bandar Tutong telah di-mulakan semenjak awal tahun ini dan sa-takat ini wang sa-banyak \$51,000 telah di-belanjakan untuk projek tersebut, kata beliau.

Juruchakap Pejabat Daerah Tutong menerangkan lagi bahawa pembinaan jalan2 untuk menyambung kampung2 di-sabelah Ulu Tutong maseh di-teruskan.

Pada masa sekarang Kampung Tumpuan Ugas, Bukit Bruang, Luagan Dudok, Kampung Sebakit, Kampung Ikas, Kampung Masjid, Bukit Udal, Pengkalan Siong, Sungai Buloh dan Sungai Damit Pamadang sekarang semuanya mempunyai jalan.

Penduduk kampung2 tersebut dahulu-nya menggunakan sungai untuk melawat sesama sendiri, akan tetapi pada masa sekarang mereka menggunakan jalan.

Berikutan dengan siap-nya jalan2 di-bawah Rancangan Kemajuan Daerah Luar Bandar yang termasuk dalam-nya pembinaan jalan2 tanah di-antara kampung2 dalam kawasan pedalaman di-Daerah Tutong, maka penduduk2 di-daerah pedalaman itu sekarang kurang meng-

beliau, dapat-lah pehak yang berkenaan mengator jadual pejalanan kapal2 Haji yang akan berulang alek dari Singapura dan Malaya ka-Jeddah dan dari Jeddah ka-Malaya dan Singapura pada tahun hadapan kelak.

Untuk pengetahuan bakal2 Haji, tiap2 borang permohonan itu hendak-lah di-tanda tangani oleh pemohon atau pun mengan-dongi chap jari kanan pemohon itu.

Tiap2 borang pemohon itu hendak-lah juga di-sertai dengan dua keping gambar, ia-itu sa-keping daripada-nya hendak-lah di-lekatkan pada tempat yang di-khaskan di-borang itu.

Borang permohonan itu hendak-lah di-sertakan dengan satu Surat Sehat yang di-tanda tangani oleh sa-orang Tabib yang bertauliah yang memberi akuan bahawa pemohon yang berkenaan itu sehat untuk menunaikan fardhu Haji.

Borang Surat Sehat itu boleh-lah di-dapati dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei; Pejabat2 Pegawai2 Daerah atau pun dari Pejabat2 Kadhi di-seluruh Negeri Brunei.

gunakan sungai dari masa dahulu sebagai jalan berulang alek di-antara kampung2.

23 Orang Lagi Guru2 Ugama Dari Malaya Akan Berkhidmat Di-Brunei

BERAKAS.—Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin telah kembali ka-Brunei dari Singapura dengan kapal terbang pada tengah hari 24 Jun sa-lepas menemui chalon2 yang telah membuat permohonan jawatan2 kosong sebagai Guru2 Ugama dan Pengarang Majallah Ugama, Brunei.

Beliau telah di-iringi oleh Pemereksa Sekolah2 Ugama, Daerah Belait, Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdullah.

Dalam satu pertemuan dengan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin di-lapangan terbang Berakas, beliau bertaka bahawa seramai 600 orang guru2 ugama dari beberapa tempat di-Malaya telah membuat permohonan sebagai guru2 ugama di-Negeri Brunei.

Daripada bilangan yang banyak itu, seramai 50 orang chalon2 telah di-temui dan 23 orang daripada chalon2 itu, mengan-dongi guru2 ugama lelaki dan

UPACHARA MENYAMPAIKAN PERISAI KEDATANGAN KURNIAAN D. Y. M. M.

KUALA TUTONG. — Satu upacara menyampaikan Perisai Kedatangan kurniaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan akan di-adakan di-Sekolah Melayu Pengiran Muda Mahkota Kuala Tutong pada hari Khamis 2 Julai, 1964.

Perisai itu akan di-sampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya di-Gadong Dato Utama Awang Haji Mohamed Yusuf kepada Sekolah Melayu Pengiran Muda Mahkota pada pukul 10 pagi hari tersebut.

Sekolah Melayu Pengiran Muda Mahkota telah memenangi Perisai Kedatangan kurniaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan sebagai Sekolah Melayu di-Daerah Tutong yang baik sekali dalam hal ehwal kedatangan murid2 dalam tahun sudah.

Meninggal Dunia Di-Mekah

BANDAR BRUNEI. — Tuan Haji Karim bin Ahad, sa-orang jema'ah Haji dari Brunei telah meninggal dunia di-Mekah pada 23 Mei, 1964.

Allah yarham itu, berumur 57 tahun, ia-lah sa-orang penduduk Kampung Limpaku Pinang.

Beliau telah meninggal dunia di-Tanah Suci sa-lepas menunaikan fardhu Haji. Demikian menurut satu berita yang di-terbitkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.


perempuan akan di-pilih untuk berkhidmat di-negeri ini.

Sa-puluh orang telah membuat permohonan sebagai Pengarang, Majallah Ugama, Brunei dan sa-orang sahaja akan di-pilih.

Pertemuan2 dengan chalon2 tersebut, kata Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin, telah di-adakan di-Johore Baharu dan juga di-Kuala Lumpur.

Beliau menguchapkan terima kasih kepada Pegawai2 Jabatan Hal Ehwal Ugama Johore dan lain2-nya yang telah bekerjasama bagi melaksanakan pekerjaan memilih anggota2 baru untuk Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

SAMBUTAN2 MINGGU PELAJARAN



SEKOLAH2 Melayu di-seluruh Negeri Brunei telah menyambut MINGGU PELAJARAN dalam bulan Jun 1964 dengan mengadakan berbagai2 achara yang meriah di-sekolah masing2. Minggu Pelajaran itu telah di-adakan sebagai pengganti temasha HARI IBU BAPA. Kira2 15,000 orang murid2 Sekolah2 Melayu telah mengambil bahagian. Minggu Pelajaran itu menitek-beratkan hal2 yang berkisar dengan pelajaran dan pengajaran di-sekolah pada sepanjang hari persekolahan. Gambar2 yang di-siarkan di-muka 4 dan 5 akhbar ini telah ambil di-beberapa buah Sekolah2 Melayu pada masa Sekolah2 itu mengadakan sambutan Minggu Pelajaran.

Gambar 1 : Gambar ini di-ambil di-Sekolah Melayu Laila Menchanai, Kampong Ayer pada masa di-adakan upacara menyampaikan hadiah kepada murid2

yang berjaya dalam nya. Gambar 2: Pn Momin bin Pengiran kan pembukaan sambutan Melayu Ahmad Tajud 1964. Gambar 3: Ysteri Yang Berhormat Mohamad Yusuf bin Htia Usaha Kerajaan sambutan Minggu Pelajaran Isteri Fatimah, Banda ini di-ambil di-Sekolah jukkan sa-orang murid bar 5: Satu pemandangan di-Sekolah Melayu "Berapakah harga-nya sa-orang pelawat ka-Jawab guru sekolah mah ini tidak di-jua-haja." Gambar 7: Satu pemandangan



SEKOLAH2 MELAYU DI-BRUNEI




3.




4.

... pelajaran dan sebagai
... Daerah Belait, Pengiran
... Ismail kelihatan merasmikan
... Minggu Pelajaran Sekolah
... Kuala Belait pada 21 Jun,
... Datin Hajjah Salmah,
... Dato Seri Paduka Haji
... Haji Abdul Rahim, Se-
... merasmikan pembukaan
... Sekolah Melayu Raja
... Gambar 4: Gambar
... Melayu Pintu Malim menun-
... menerima hadiah. Gam-
... sambutan Minggu Pelaja-
... Panggal. Gambar 6:
... yang chantek ini?" tanya
... Melayu Pintu Malim.
... mara Awang, ru-
... untuk pertunjukan sa-
... Perbuatan Tangan
... Kupang. Gambar 8:
... di-temasha sambu-

... tan Minggu Pelajaran di-Sekolah Melayu Muda
... Hashim, Tutong.
... Gambar 9: Nadzir Sekolah2 Melayu Bandar Bru-
... Awang Shahbudin bin Saleh dan beberapa orang
... lagi kelihatan dengan senyum menyaksikan hasil
... buatan tangan oleh murid2 Sekolah Melayu Pintu
... Malim. Gambar 10: Sa-orang murid Sekolah Melayu
... Sinaut kelihatan menerima hadiah di-majlis menyam-
... paikan hadiah sambutan Minggu Pelajaran Sekolah
... Melayu Sinaut. Gambar 11: Alangkah pandai-nya
... "Si-Dayang" yang memakai baju kebaya, berkain ba-
... tek dan berseluar panjang di-penjuru kanan gambar
... ini bermain bola. Ini-lah satu pemandangan perla-
... wanan bola sepak pakaian beragam Sekolah Melayu
... S.M.J.A. pada 21 Jun. Gambar 12: Murid2 perem-
... puan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, K. Belait
... kelihatan bermain bola keranjang di-temasha sambutan
... Minggu Pelajaran S.M.A.T. Gambar 13: Pertunjuk-
... an permainan bulu tangkis oleh murid2 perempuan
... Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin pada pagi 21 Jun.
... Gambar 14: Satu pemandangan di-temasha sambutan
... Minggu Pelajaran S. M. Muda Hashim, Tutong.



6.



10.



13.



14.

**PEGAWAI2 BAHARU
PERSATUAN
TRENGKAS
MELAYU BRUNEI**

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Trengkas Melayu Brunei telah mengadakan Mashuarat Agung-nya bertempat di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei baharu2 ini dengan di-pengerusikan oleh Awangku Tuah bin Pengiran Haji Menuddin.

Pegawai2 baharu Persatuan Trengkas Melayu Brunei yang telah dilantik dalam mashuarat tersebut adalah seperti di-bawah ini:

Yang Dipertua: Awangku Tuah bin Pengiran Haji Menuddin. Naib Yang Dipertua: Awang Abdullah Metassan.

Setia Usaha: Awang R.M. Ismail Penolong Setia Usaha: Awang Mohamed Tahir Metassan.

Bendahari: Awang Abdul Rahim bin Mat Wali. Pemeriksa Kira2: Awang Tamit bin Haji Mangol. Penolong Pemeriksa Kira2: Awang Abdullah bin Mohamed Tahir.

Ahli2 Jawatan Kuasa: Awang Ibrahim Ghani, Dayang Yukmas Mohamad, Dayang Emas Rokiah Awang Besar dan Awang Ibrahim Tinggal.

PERADUAN TRENGKAS

Sementara itu adalah di-fahamkan bahawa persatuan tersebut akan mengadakan Peraduan Trengkas Kaedah Gregg dan Kepantasan Trengkas bagi seluruh Negeri Brunei tidak berapa lama lagi.

**Musnahkan-lah "Musoh" Kita-
Penyakit Ta'un**

BANDAR BRUNEI. — "NEGERI KITA — NEGARA BRUNEI, ada-lah di-kelilingi oleh negeri2 tetangga kita yang mana telah berjangkit dengan penyakit ta'un. Ini ada-lah penyakit yang menyebabkan serta merta dan akan sedia menyebabkan kematian.

Kita mesti dengan sa-berapa daya upaya kita menchegehah musoh kita; dan jika ia-nya berlaku di-sabalek semua langkah2 kita, maka kita mesti-lah halangkan jalan-nya dengan sa-rapi2 dan sa-chepat2-nya.

Negeri Sarawak, tetangga kita yang paling dekat sekali telah beberapa kali di-serang ia-itu di-Bahagian Pertama dan Kedua.

Pada 20 Jun, 1964 satu amaran telah di-keluarkan di-surat khabar "The Borneo Bulletin" kepada Bahagian Ke-empat Sarawak supaya mengambil langkah. Ini ada-lah sangat berdekatan dengan kita. Demikian menurut satu pengumuman yang diterbitkan oleh Pemangku Pegawai Perubatan Negara, Brunei, Yang Berhormat Doktor P. I. Franks pada 23 Jun, 1964.

Selanjut-nya Yang Berhormat Doktor Franks berkata: "Sekarang saya memberitahu para umum sekalian dan apa yang

mesti di-buat untuk menjauhi dari penyakit ta'un. Ini mungkin para umum tidak memahami dengan sebenar-nya, tetapi betapa mustahak-nya perkara2 ini dan saya menyeru supaya memperchayai-nya dan menchebua menjauhi-nya.

Pertama, makanan para umum: Semasa ada bahaya, semua makanan mesti-lah di-masak sa-belum memakan-nya dan semua ayer mesti-lah di-panaskan sa-belum minum.

Penyakit ini akan berchampur dengan makanan dan ayer, tetapi memasak dan memanaskan membunuh segala penyakit itu dan juga para umum mesti-lah membasoh tangan sa-belum makan dan sa-barang pinggan mangkok dan barang2 yang lain yang di-gunakan untuk menghidangkan makanan mesti-lah di-keringkan dengan kepanasan api sa-belum di-pakai.

Sabarang sampah mesti-lah di-

bakar atau sa-kurang2-nya "dikubur." Jika para umum tidak membuat sa-demikian, lalat2 akan bertambah dan lalat2 itu akan membawa penyakit2 itu.

Jika kawasan para umum ada mempunyai lalat2 maka sila-lah laporkan kepada Jabatan Kesihatan dan kami akan chuba akan menghapuskan-nya.

Semua penyakit birak2 yang tenat dan muntah2 mesti-lah dengan serta merta di-laporkan kepada kelinik yang berdekatan supaya kami akan dapat menjaga-nya dengan sa-berapa boleh supaya tidak ada penyakit ta'un.

Akhir sekali tiap2 para umum boleh menjauhi penyakit ini menchegehah berjangkit nya penyakit ta'un.

Jabatan Perubatan dan Kesihatan telah menyuntik tiga perempat dari orang2 di-negeri ini, tetapi suntikan ini hanya berguna dan berakhir dalam tempoh enam bulan.

Sa-siapa daripada para umum yang belum lagi mendapat penchegehah mesti-lah melaporkan diri kepada Kelinik Jabatan Kesihatan yang berdekatan dengan sa-berapa yang boleh.

K E R J A - K E R J A K O S O N G

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkebolehan dan menjadi ra'ayat Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut dalam Ranchangan Menghapuskan Malaria, Brunei:—

(a) PEMUNGUT SERANGGA

(2 jawatan kosong)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(i) Mesti-lah berkelulusan Darjah VII Sekolah Melayu dan mempunyai sedikit pengetahuan bahasa Inggeris.

(ii) Mesti-lah mempunyai penglihatan yang baik dan tuboh badan yang sehat.

(iii) Latehan akan di-beri sa-telah di-lantek.

(iv) Ada mempunyai pengalaman dalam pekerjaan "anti-malaria" akan di-beri keutamaan.

Tugas2:

(i) Menchari chontoh2 serangga.

(ii) Mesti-lah bersedia menjalankan tugas di-merata2 tempat dalam Negeri Brunei dan di-sebarang waktu.

Gaji :

Dalam "scale" \$183x7-211-220x10-260-280-290-300.

(b) KERJA MEMANCHIT NYAMOK :

(15 jawatan kosong)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(i) Mesti-lah berkelulusan Darjah VII Sekolah Melayu dan mempunyai sedikit pengetahuan bahasa Inggeris.

(ii) Mesti-lah sehat tuboh badan-nya.

(iii) Latehan akan di-beri sa-telah di-lantek.

Tugas2:

(i) Untuk membantu penyiasatan di-atas kawasan2 yang akan di-sembor.

(ii) Menjalankan kerja2 menyembor ubat serangga bila2 diperlukan berbuat demikian.

(iii) Mesti-lah bersedia bertugas di-sebarang tempat dalam Negeri Brunei.

Gaji :

Dalam "scale" \$183x7-211-220x10-260-280-290-300.

(c) PEMBAHAGI UBAT :

(5 jawatan kosong)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(i) Mesti-lah berkelulusan Darjah VII Sekolah Melayu dan mempunyai sedikit pengetahuan bahasa Inggeris.

(ii) Mesti-lah berbadan sehat.

Tugas2:

(i) Untuk membahagi2kan ubat membasmi malaria di-bawah arahan Ketua Ranchangan Membasmi Malaria.

(ii) Memberi ucapan kepada orang2 kampong tentang chara2 mengawal dan menchegehah malaria. Chalon2 yang berjaya, sa-telah di-lantek, akan menerima pengajaran mengenai tengen chara2 menchegehah malaria dan mengenai pembahagian ubat.

Gaji :

Dalam "scale" \$183x7-211-220x10-260-280-290-300.

(d) PEMBUAT PETA :

(1 jawatan kosong)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(i) Mesti-lah berkelulusan Darjah IV Sekolah Melayu dan Form III Sekolah Inggeris.

(ii) Mesti-lah berpengalaman dalam kerja2 membuat peta.

(iii) Mesti-lah boleh menaip.

Tugas2:

Untuk menyediakan peta dan menjaga daftar peta2 yang mempunyai butir2 ("data") membasmi malaria.

Gaji :

Dalam "scale" \$211-220x10-260-280-290x20-370-380 x 20-560. Gaji permulaan akan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 31 Julai, 1964.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

JURU MEKANIK MOTO

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkebolehan untuk memenohi jawatan kosong sa-bagai Juru Mekanik Moto dalam Ranchangan Menghapuskan Malaria, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman2 :

Mesti-lah mempunyai pengalaman sa-lama sa-kurang2-nya 6 tahun sebagai juru mekanik moto dan boleh berchakap Inggeris.

Tugas2:

Bertanggung jawab menjaga dan memelihara semua kenaikan2 dan mesin2 outboard untuk kenaikan2 perayeran dan semua jentera2 mekanik yang di-gunakan.

Gaji :

Dalam sukatan gaji \$290x20-370-380x20-440. Gaji permulaan ada-lah bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Perkhidmatan :

Jika chalon yang berjaya itu bukan ra'ayat Sultan maka dia-nya akan di-beri kontrek sa-lama 3 tahun termasuk-lah enam bulan masa perchubaaan.

Baksis :

Baksis sa-banyak 12½ peratus dari gaji-nya akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang itu.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 31 Julai, 1964.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

PERTANDINGAN SOKAN SA-NEGERI BRUNEI:

11 REKOD BAHARU DAN 1 REKOD LAMA SERI

SERIA.—Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim yang juga menjadi Yang Dipertua, Persatuan Sokan Negeri Brunei, telah merasmikan pembukaan Pertandingan Sokan di-Gelanggang Sokan Setia pada

Drews Bandar Brunei juga telah mengatasi rekod-nya yang lama dalam lumba lari 1,500 meter dan lumba lari 5,000 meter.

"Bapa Peserta2 Sokan Negeri Brunei"—A. Sibidol yang pada masa ini sudah berusia lebih dari 40 tahun telah berjaya memenangi ketiga2 jenis perlakuan, ia-itu buang peluru, lempar piring besi dan lontar lembing.

Beliau telah mengemukakan tahniah kepada peserta2 yang kelak menang di-temasha sokan itu. Kepada peserta2 yang tidak menang pula, beliau telah menasihatkan mereka supaya janganlah putus asa, akan tetapi hendaklah mereka menubuhkan dengan sa-besarnya untuk mencapai kemenangan.

Yang Mulia Datin Zubaidiah, ia-itu isteri Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un, Menteri Besar Brunei telah menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya di-temasha sokan tersebut.

Pancharagam Askar Melayu Brunei telah bermain lagu2 yang merdu sebelum pertandingan sokan itu di-mula.

Semua-nya 42 jenis perlakuan telah di-jalankan. 17 daripada-nya ialah dalam bahagian lelaki, 11 bahagian wanita dan 14 bahagian "junior".

Sebanyak 11 rekod baharu ia-itu 8 dalam bahagian lelaki dan 3 bahagian wanita telah dapat di-chiptakan dan satu rekod negeri telah seri di-temasha sokan tersebut.

Rekod yang pertama di-temasha sokan itu telah di-chiptakan oleh Doreen Hiew dari Sekolah Perempuan Saint Angela, Setia. Doreen telah menang lumba lari 100 meter dengan mengambil masa 13.8 sa'at, ia-itu 0.2 sa'at lebih baik dari rekod lama.

Kemudian Abdullah Mustapha dari Brunei Town Athletic Club telah men-chiptakan rekod baharu yang kedua ia-itu dalam lumba lari 100 meter dengan mengambil masa 10.8 sa'at, ia-itu 0.1 sa'at lebih baik dari rekod lama yang di-chiptakan oleh A. Rahim.

Abdullah Mustapha juga telah menang lumba lari 200 meter dengan mengambil masa 23.2 sa'at ia-itu sama dengan rekod lama yang ia sendiri telah men-chiptakan.

Joseph Chin dari Sekolah Saint Andrews Bandar Brunei juga telah mengatasi rekod-nya yang lama dalam lumba lari 1,500 meter dan lumba lari 5,000 meter.

Sibidol juga telah men-chiptakan satu rekod yang baharu dalam pertandingan melempar piring besi. Ia telah melempar piring besi itu sejauh 124 kaki, 2 inci, ia-itu 4 kaki, 4 inci terbaik dari rekod lama yang ia telah men-chiptakan.

Lim Geok Kheng dari Maktab Anthony Abell, Setia telah menang lumba lari 400 meter, ia-itu satu perlumbaan yang baharu, dengan mengambil masa 1 minit, 11.4 sa'at.

Satu lagi perlumbaan yang baharu, ia-itu lumba lari 800 meter, telah di-menangi oleh Tan Moi Chooi juga dari Maktab Anthony Abell, Setia. Ia telah mengambil masa 2 minit, 59.5 sa'at.

Peserta2 dalam Bahagian "Junior" juga telah "bersinar" di-temasha sokan tersebut. Kebanyakan daripada keputusan perlakuan2 yang mereka bertanding ia-lah tidak jauh dari keputusan2 bahagian dewasa.

Dalam perlakuan lompat tinggi Bahagian "Junior" Lim Soon Hock dari Sekolah Saint Andrews telah melompat sa-tinggi 5 kaki 9 inci, manakala Woo Chiew Siong dari Setia yang mengambil bahagian dalam Bahagian "Senior" telah melompat sa-tinggi 5 kaki, 8 inci sahaja.

Brunei Town Athletic Club telah menjadi Johan dalam lumba lari berganti2 yang pertama di-temasha sokan itu dengan mengambil masa 44.5 sa'at, ia-itu satu rekod yang baharu. Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin telah menjadi Naib Johan dalam perlumbaan tersebut.

Dalam satu lagi lumba lari berganti2 4 kali 400 meter, Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah menjadi Johan, Pasokan Askar Melayu Brunei telah menjadi Naib Johan dan Sekolah Saint Andrews mendapat tempat yang ketiga. Masa yang di-chiptakan oleh PGGMB dalam lumba lari itu ia-lah 3 minit, 44.4 sa'at ia-itu satu rekod baharu.

Dalam lumba lari berganti2 bahagian wanita, pemenang pertama ia-lah Sekolah Saint Angela, di-turuti oleh Maktab Anthony Abell dan Sekolah Saint Andrews. Masa-nya ia-lah 56 sa'at, ia-itu satu rekod baharu juga.

Piala Perak untuk peserta yang terbaik sekali dalam bahagian lumba2 lari telah di-hadiahkan kepada Rani Metassan dari Sekolah Melayu SMJA Rani telah menunjukan chara perlmain-nya yang terbaik sekali dalam lumba lari lompat pagar sejauh 110 meter.

Onn bin Timbang dari Setia sa-orang peserta Bahagian "Junior" telah memperolehi hadiah Piala Perak untuk peserta yang terbaik sekali dalam bahagian lompat bergalah.

Doreen Hiew telah memperolehi Piala "Bintang Sokan" Bahagian wanita di-temasha sokan tersebut.

Keputusan2 pertandingan tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

BAHAGIAN LELAKI

- 1. Abdullah Mustapha, 2. David Chelliah, 3. A. Rahim—10.8 sa'at (rekod baharu). 200 meter—
- 1. Abdullah Mustapha, 2. Rahman Yusof, 3. Cpl. Norshah—23.2 sa'at (rekod seri). 400 meter—1. A. Hamid Momin, 2. Sinin Metali, 3. Rosli Yassin—54.2 sa'at (rekod baharu). 800 meter—1. Chin Sing Ming, 2. Sinin Metali, 3. Chin Yin Wah—2 min. 8.8 sa'at (rekod baharu). 1,500 meter—1. Joseph Chin, 2. Chin Sin Ming, 3. Bujang Ali—4 min. 19.9 sa'at (rekod baharu). 5,000 meter—1. Joseph Chin, 2. Apong Laman, 3. Ibrahim Abd. Rahman—18 min. 21.6 sa'at (rekod baharu).
- Lari berganti2 4 kali 100 meter—1. B.T.A.C., 2. S.M.A.T., 3. Askar Melayu 44.5 sa'at (rekod baharu). Lari berganti2 4 kali 400 meter—1. PGGMB, 2. Askar Melayu, 3. St. Andrews—3 min. 44.4 sa'at (rekod baharu). Lompat pagar 110 meter—1. Lim Beng Hock, 2. Suhaili Lani, 3. Lee Chong Kit—16.4 sa'at. Lompat Pagar 400 meter—1. A. Hamid Momin, 2. A. Bakar Ibrahim, 3. Chong Ah Pong—61.2 sa'at. Lompat Bergalah—1. Ak. Ibrahim, 2. C.K. Wong, 3. Suhaili Lani—10 k. 8 inci.
- Lompat Tinggi—1. Woo Chiew Seong, 2. Ak. Ibrahim, 3. Abdullah A. Damit—5 kaki 8 inci. Lompat Jauh, 1. Zunaidi Hamdan, 2. Chee Keong Tong, 3. Lim Beng Hock—22 k. 6 1/2 inci. Lompat Kijang—1. Ak. Zahari, 2. Suhaili Lani, 3. Zunaidi Hamdan—44 k. 7 1/2 inci. Lempap piring—1. A. Sibidol, 2. Razak Abdullah, 3. Yap Oi Chin—124 k. 2 inci. (rekod baharu). Lontar lembing—1. A. Sibidol, 2. Salim Hj. Salleh, 3. A.M. Razali, 152 k. 4 1/2 inci. Buang Peluru Besi—1. A. Sibidol, 2. Razak Abdullah, 3. M. Yakub Abdullah 41 k. 11 1/2 inci.

- 1. St. Angela, 2. Anthony Abell 3. St. Andrews 56 sa'at (rekod baharu).
- Lompat pagar 80 meter—1. Zene Kadir, 2. Maimun Salleh, 3. Doreen Hiew—13.9 sa'at. Lompat tinggi—1. Wong Yeh Kong, 2. Heng Ai Lan, 3. Siti bt Yusuf—4 k. 4 1/2 inci (rekod baharu). Lompat Jauh—1. Doreen Hiew, 2. Mary Chong, 3. Rosinah Murni—14 k. 6 1/2 inci. Lempap Piring—1. Wong Yeh Kong, 2. Wong Nyuk Moi, 3. Monica Yapp—70 k. 9 inci.
- Lontar lembing—1. Helen Sibidol, 2. Ong Lee Tin, 3. Noraini Ahmad—85 k. 10 1/2 inci. Buang peluru besi—1. Wong Nyuk Moi, 2. Carolyn Webb, 3. Monica Yapp—25 kaki.

- BAHAGIAN JUNIOR**
- 100 meter—1. Ali Abdullah, 2. Royston Abad, 3. Frank Singh—11.2 sa'at. 200 meter—1. Royston Abad, 2. Johari Razak, 3. Bakar Tarif—24.4 sa'at. 400 meter—1. Johari Razak, 2. Edward Quibarra, 3. Muli Beriak—57.2 sa'at. 800 meter—1. Ahmad Rashid, 2. Steward Thomas, 3. Muli Beriak—2m. 18.2 sa'at.
- Lari berganti2 4 kali 100 meter—1. SMJA "A", 2. St. Margaret, 3. AAC. 47.3 sa'at. Lari berganti2 4 kali 400 meter—1. AAC "A", 2. SMJA "A", 3. St. Michael—3m. 55 sa'at. Lompat pagar 110 meter—1. Rani Matasan, 2. Johari Razak, 3. Jaya Mat—15.4 sa'at.
- Lompat bergalah—1. Onn Timbang, 2. Ja'afar Selamat, 3. Abdullah Zakiah—10 k. 7 inci. Lompat tinggi—1. Lim Soon Hock, 2. Abdullah Zakiah, 3. Bonnie Teo 5 kaki 9 inci. Lompat jauh—1. Rani Matasan, 2. Ali Abdullah, 3. Jaya Mat. 20 kaki 3 1/2 inci.
- Lompat kijang—1. Onn Timbang 2. A. Bakar Salleh, 3. Chong Siew Koon, 41 k. 10 1/2 inci. Lempap piring—1. Lai Thian Yin, 2. Lionel Keasberry, 3. Timpoh Erey, 140 k. 6 1/2 inci. Lontar Lembing—1. Lionei Keasberry, 2. Ho Sze Leong, 3. Tan Kui Ching—149 k. 9 1/2 inci. Buang peluru besi. 1. Lionel Keasberry, 2. Ho Sze Leong, 3. Tan Kui Ching, 37 k. 11 inci.

- BAHAGIAN PEREMPUAN**
- 100 meter—1. Doreen Hiew, 2. Lim Geok Kheng, 3. Zene Kadir—13.8 sa'at (rekod baharu). 200 meter—1. Lim Geok Kheng, 2. Doreen Hiew, 3. Lam Mei Yin—30.3 sa'at. 400 meter—1. Lim Geok Kheng, 2. Liew Piang Yin, 3. Rokiah Ismail—1 m. 11.4 sa'at. 800 meter—1. Tan Moi Choo, 2. Liew Piang Yin, 3. Aminah Abd. Rahman—2 m. 59.5 sa'at. Lari

Perlumbaan Berjalan Kaki

KERIAM.—Perlumbaan Berjalan Kaki anjoran Persatuan Melayu Keriam sejauh 10 batu akan di-langsungkan pada pagi hari Ahad 30 Ogos, 1964 mulai dari satu kawasan di-Kuala Tutong hingga ka-kawasan Persatuan Melayu Keriam.

Orang2 yang hendak mengambil bahagian dalam perlumbaan tersebut di-minta menghantarkan borang2 permohonan masing2, kepada Setia Usaha Perlumbaan Berjalan Kaki, Persatuan Melayu Keriam, Awang Junaidi bin Orang Kaya Setia Negara Mohamad Safar, d/a Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei tidak lewat dari 15 Julai, 1964.



Pasokan Hokey, Maktab Perguruan Melayu Brunei yang telah berjaya memperolehi Piala Gwyn Roberts di-Seria baharu2 ini. Chegu Mustapha Shawal (Guru Sokan dan Permainan, M.P.M.B.) kelihatan nombor dua dari kiri di-barisan hadapan dan Chegu Baharin Indin (Guru Hokey M.P.M.B.) kelihatan nombor dua dari kanan di-barisan hadapan. Gambar dengan chsan Awang Husain bin Abu Bakar dari M.P.M.B.

M. P. M. B. MENANG PIALA GWYN ROBERTS

SERIA.—Pasokan Hokey, Maktab Perguruan Melayu Brunei telah mengalahkan Kelab Melayu Shell, Setia dengan 2 gol berbalas 1 dalam perlakuan akhir untuk merebutkan Piala Gwyn Roberts, di-Padang Shell Recreation Club pada petang 12 Jun, 1964.

Perlakuan hokey itu telah diadakan di-bawah anjoran Persa-

tuan Hokey Negeri Brunei dan banyak pasokan dari Daerah2 Brunei dan Belait telah mengambil bahagian.

Chegu Baharin Indin dan Ahmad Abdul Rahman telah men-jaringkan gol2 yang di-dapati oleh Maktab Perguruan Melayu Brunei, manakala Ali Talip telah men-jaringkan satu gol bagi pehak Kelab Melayu Shell.

TEMASHA MALAM GEMBIRA BAGI MENYAMBUT HARI JADI D. Y. M. M.

KAMPONG AYER, BRUNEI.—Wakil2 dari beberapa buah persekutuan telah mengadakan satu perjumpaan di-Kampung Ayer di-bawah anjoran Persatuan Angkatan Tunas Harapan (PATUH) pada 26 Jun yang lalu.

Mashuarat itu telah bersetuju antara lain untuk memohon kepada Kerajaan agar persatuan2 itu dapat mengadakan satu temasha Malam Gembira bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan bertempat di-Padang

PULIS MENANGKAP ORANG TAHANAN YANG TERLEPAS LARI

BANDAR BRUNEI. — Sasasakan anggota2 Pulis Brunei, di-bawah pimpinan Inspektor Mohamed bin Momin dari Chawangan Khas, telah berjaya menangkap semula Bakar bin Haji Serudin, berumur 35 tahun, sa-orang tahanan di-Khemah Tahanan Berakas yang telah terlepas lari baharu2 ini.

Pihak Pulis telah menawarkan hadiah sebanyak \$500 kepada sesiapa jua yang memberi ma'lumat bagi menangkap orang tahanan tersebut.

Bakar telah dapat di-tangkap tidak jauh dari rumah-nya di-Kampung Tungku, Gadong pada pukul 7 malam 26 Jun, 1964. Terdahulu dari itu, kira2 100 orang anggota2 Pulis Brunei, dengan di-ketuai oleh O.C.P.D. Brunei, Pemangku Penguasa Pulis B.M.G. Carvalho telah mencari Bakar di-Kampung Tungku, Gadong pada pagi 26 Jun.

Menurut keterangan sa-orang Juruchapak Pulis, penangkapan tersebut telah dapat di-laksanakan oleh pihak Pulis atas kerjasama orang ramai.

Besar, Bandar Brunei dalam bulan September akan datang.

Sa-buah Jawatan Kuasa Tertinggi telah di-bentok dalam ma-

shuarat tersebut untuk membuat rancangan2 bagi mengadakan temasha Malam Gembira itu. Jawatan Kuasa itu akan mengadakan mashuarat-nya kali yang pertama bertempat di-rumah Pengiran Mohamed bin Pengiran Damit di-Kampung Si-Raja Muda, Kampung Ayer pada petang hari Ahad 12 Julai, 1964.

Pegawai2 Baharu Kesatuan Pegawai2 Tetap Kerajaan Brunei

BANDAR BRUNEI. — Kesatuan Pegawai2 Tetap Kerajaan Brunei telah mengadakan Mashuarat Agung Tahunan-nya di-Bandar Brunei pada 26 Jun, 1964.

Ahli2 Jawatan Kuasa Tadbir kesatuan tersebut bagi tahun 1964/1965 yang telah di-lantek dalam mashuarat tersebut ada-lah seperti di-bawah ini: Yang Dipertua: Awang Husin bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Dato Utama Awang Haji Mohamed Yusuf. Naib Yang Dipertua: Awang Mohsin bin Pukul.

Setia Usaha Agung: Awangku Abbas bin Pengiran Haji Besar. Penolong Setia Usaha Agung: Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh. Bendahari: Awang Chong Tet Kong.

Ahli2 Jawatan Kuasa Daerah Brunei: Awang Mohamed Yusuf bin Tahir. Awang Mohamed bin Haji Serudin, Awang Sahari bin Idris dan Awangku Zahari bin Pengiran Damit. Ahli2 Jawatan Kuasa Daerah Seria/Belait: Awang Peter Lee dan Wan Shafie.

Sementara itu Yang Dipertua Baharu, Kesatuan Pegawai2 Tetap Kerajaan Brunei, Awang Husin bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Dato Utama Awang Haji Mohamed Yusuf berharap agar-nya Ahli2 Jawatan Kuasa Tadbir, ahli2 kesatuan tersebut dan juga Pegawai2 Kerajaan 'amnya akan memberikan kerjasama yang lebeh erat lagi untuk menjayakan maksud2 kesatuan itu.


PAMIRAN PERADUAN LUKISAN KANAK2 SA-DUNIA BAHAGIAN BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim akan merasmikan pembukaan Peraduan Lukisan Dunia Kanak2, Bahagian Negeri Brunei, di-Rumah Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, di-Jalan Chevalier, Bandar Brunei pada pukul 9 pagi hari Sabtu 4 Julai, 1964.

Peraduan lukisan itu di-adakan di-bawah kelolaan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei dan telah mendapat sambutan yang baik dari kalangan pelukis2 muda tempatan.

Menurut keterangan sa-orang juruchapak pamiran tersebut, lebeh daripada 300 buah lukisan akan di-pamirkan di-temasha tersebut.

Lukisan2 itu akan di-hantar-kan ka-Canada pula untuk di-pamirkan di-sana di-bawah anjoran U.N.I.C.E.F.



Gambar2 ini di-ambil di-temasha Sokan Maktab Anthony Abell Seria pada petang hari Sabtu 20 Jun, 1964. Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail (kanan sekali) telah merasmikan pembukaan temasha sokan tersebut. Berdiri di-sabelah beliau memakai jubah hitam ia-lah Pengetua Maktab Anthony Abell, Awang W.I. Tocher.



PANCHARAGAM ASKAR MELAYU BRUNEI



Ini-lah dia parajurit2 Tanah Ayer yang berkhidmat sebagai anggota2 Pasokan Pancharagam Askar Melayu Brunei. Pancharagam A. M. B. ini, di-bawah pimpinan Warrant Officer V. P. Pawson, telah mengadakan dua kali persembahan sambil berbaris dengan chergas-nya di-Seria. Kali yang pertama ia-lah di-temasha Sokan Maktab Anthony Abell pada petang hari Sabtu 20 Jun dan kali yang ke-dua ia-lah di-temasha Sokan Sa-Negeri Brunei di-Gelanggang Sokan, Seria pada petang hari Ahad 28 Jun. Gambar dengan ehsan akhbar, "The Borneo Bulletin."